

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (52)
Tarikh : 22 September 2014

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO BERTAJUK "IDENTITI DICURI PEMINJAM HANTU" BERTARIKH 18 SEPTEMBER 2014, KHAMIS – M.S: 6A (SETEMPAT)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin memaklumkan berkaitan isu Puan Nurul Asilah Binti Mohamed Sultan yang mendakwa Mykad miliknya telah dicuri dan digunakan peminjam hantu untuk membuat kad pengenalan, surat beranak serta pinjaman daripada beberapa institusi kewangan.

3. Untuk makluman, permasalahan Puan Nurul Asilah Binti Mohamed Sultan telah pun diselesaikan apabila beliau mengemukakan permohonan kad pengenalan yang baru. Tindakan segera beliau telah membantu pihak JPN menahan penyamar yang tidak bertanggungjawab.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini menasihatkan orang ramai untuk segera melaporkan kehilangan kad pengenalan dengan mengemukakan permohonan kad pengenalan baru di JPN yang berhampiran. Kad pengenalan merupakan dokumen identiti diri yang sangat penting dan perlu dijaga dengan baik agar ia tidak jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab. Kehilangan dokumen ini akan memberi kesan yang serius kepada pemegang kad pengenalan tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)